




m


lebih 10 tahun lalu

SYED ISMAIL SYED ABU BAKAR | BERITA HARIAN



“Bayangkan, bukan saja penduduk terpaksa berdepan dengan masalah pencemaran ini, tetapi pelabur yang membina kilang akan turut menghadapi masalah sama”
BR 16/9/06

Ahmad Said
Penduduk Kampung Sungai Nipah



FAKTA NOMBOR

Sungai Nipah, Batu Maung

2km

Panjang sungai

5

Kilang cemar sungai didenda

10 tahun

Tempoh pencemaran berlaku

3,000

Penduduk terjejas pencemaran

menjadi masalah besar kepada pembangunan negeri ini kerana ia tidak dilakukan bersungguh-sungguh dan berterusan,” katanya.

Seorang penduduk, Ahmad Said, 42, berkata penternakan babi di kawasan itu tidak lagi sesuai kerana ia sudah menjadi penempatan dan industri.

“Bayangkan, bukan saja penduduk terpaksa berdepan dengan masalah pencemaran ini, tetapi pelabur yang membina kilang mereka akan menghadapi masalah sama,” katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah, Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Marzuki Mokhtar, berkata

pihaknya sudah mengambil tindakan mahkamah terhadap lima kilang dalam tempoh Januari hingga Julai lalu.

Antara kesalahan yang dikenakan tindakan ialah pelepasan efluen yang gagal mematuhi standard JAS seperti disyaratkan Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974).

Pesalah boleh dikenakan tindakan denda tidak melebihi RM100,000 dan dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

“Kita akan terus memantau bagi memastikan pihak yang melakukan pencemaran dikenakan tindakan sewajarnya,” katanya.